

## Peranan Zikrullah Dalam Kehidupan Seorang Muslim

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي خَلَقَ الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ، وَأَمَرَنَا  
بِالتَّقْوَى وَاخْتَلَقَ الْكَرِيمِ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا  
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ، اللَّهُمَّ  
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا  
وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan di dalam diri kita dengan memupuk rasa cinta kepada Allah dengan sentiasa mentaati perintahNya dan menjauhi laranganNya.

Saudara sekalian,

Dalam kesibukan kita menjalani urusan duniawi mengejar cita-cita dan impian, kita berhadapan dengan tekanan dan stres. Kadangkala timbul suatu perasaan di dalam hati, rasa gelisah dan tidak tenteram yang menyelubungi jiwa. Kita

berusaha siang dan malam untuk mencari penawar bagi keresahan tersebut, masih tetap tidak diperoleh. Ada ketikanya, kita cuba mengubatinya dengan hiburan namun ia tetap juga kembali menghantui diri setelah beberapa ketika. Di sini saya ingin membawa kita kepada pesanan Allah s.w.t. di dalam ayat 28 surah Ar-Ra'ad yang berbunyi:

الَّذِينَ ءَامَنُوا وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ أَلَا

بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ ﴿٢٨﴾

Yang bermaksud : *“(laitu) orang-orang yang beriman dan hati mereka itu mencapai ketenteraman melalui zikrullah. Ketahuilah dengan “zikrullah” itu, akan tenang tenteramlah hati-hati manusia.”*

Kita perlu selalu diingatkan bahawa Allah adalah pemilik yang menguasai hati dan jiwa kita. Maka Dialah yang Maha Mengetahui dan Maha Berkuasa untuk membawa hati kita daripada kegelisahan kepada ketenangan. Daripada kehampaan kepada kecekan. Ketika kita kebuntuan, kerisauan dan berasa seakan hilang arah maka perlu kita kembali kepada Allah yang Maha Kuat dengan berzikir mengingatiNya untuk mendapatkan kekuatan yang baru.

Kisah Nabi Yunus a.s. yang telah ditelan ikan paus merupakan antara kisah yang amat baik membincangkan peranan zikrullah dalam mencapai ketenangan jiwa. Bayangkan saudara, bagaimana keadaan Nabi Yunus a.s., dengan segala perasaan yang mungkin dirasainya di saat berada di dalam perut seekor ikan paus, yang tersadai di dasar lautan. Tindakbalas Nabi Yunus a.s. bukanlah untuk menyerah diri, mengalah lalu bermurung kerana berhadapan dengan masalah yang besar. Akan tetapi di saat kesunyian tersebut, beliau berpaling kepada satu-satunya Zat yang mampu mengeluarkannya dari lembah kegelapan kepada cahaya iaitu Allah s.w.t. Doa yang dipanjatkan Nabi Yunus a.s. yang baik untuk amalan kita juga adalah seperti di dalam ayat 87 Surah Al-Anbiya' :

فَنَادَى فِي الظُّلُمَاتِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ

إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ

Yang bermaksud : *"Maka dia menyeru dalam hal keadaan gelap gempita, Tiada Tuhan melainkan Engkau, Maha Suci Mu, sesungguhnya aku tergolong di kalangan orang yang telah menzalimi dirinya".*

Allah lalu mengeluarkannya dari kegelapan tersebut, lalu diberi perlindungan kepadanya. Dalam surah yang lain, Allah s.w.t. menjelaskan sesuatu perkara yang penting untuk sama-sama kita hayati berkaitan Nabi Yunus a.s., Allah berfirman didalam surah As-Saaffat ayat 143-144 :

فَلَوْلَا أَنَّهُ كَانَ مِنَ الْمُسَبِّحِينَ ﴿١٤٣﴾ لَلَبِثَ فِي بَطْنِهِ إِلَىٰ يَوْمِ يُبْعَثُونَ ﴿١٤٤﴾

Yang bermaksud : "*Sekiranya dia (yakni Nabi Yunus) bukan terdiri dari golongan mereka yang bertasbih (kepada ku). Niscaya dia akan kekal dalam perutnya (yakni ikan paus) sehingga ke hari Kebangkitan*".

Kisah ini mengingatkan kita bahawa di dalam saat berhadapan dengan cabaran dalam kehidupan atau ketika kita berasa amat tertekan sama ada di pejabat, rumah mahupun sekolah, bersegeralah ingat kepada Allah. Ini adalah agar jiwa kita dapat kembali tenang dan membolehkan kita kemudian fokus semula untuk mencari penyelesaian yang sesuai untuk masalah yang dihadapi. Mudah-mudahan dengan berkat mengingati Allah, Dia akan

membuka jalan untuk kita atasi tekanan mahupun cabaran dalam kehidupan kita dan mempermudahkannya bagi kita.

Sidang Jumaat Rahimakumullah,

Di dalam membincangkan peranan zikrullah ini, saya ingin membawa kita kepada suatu kisah di mana seorang Sahabat pernah datang kepada Nabi s.a.w. mengadu kepada Baginda akan bebanan yang dirasainya. Beliau mendapati bahawa hukum-hakam syariat telah berkembang, dan beliau takut tidak dapat melaksanakan segala hukumhakam tersebut. Nabi menjawab:

لَا يَزَالُ لِسَانُكَ رَطْبًا مِنْ ذِكْرِ اللَّهِ تَعَالَى

Yang bermaksud : *"Pastikanlah lisan kamu itu sentiasa basah berzikir kepada Allah s.w.t."* [Hadith riwayat Imam At-Tirmizi]

Melalui amalan berzikir, seorang mukmin akan memperoleh kekuatan untuk berpegang teguh kepada syariat Allah s.w.t. Apabila seorang mukmin sentiasa mengingati Allah s.w.t., sifat ketakwaan akan mekar di dalam dirinya. Dia akan berusaha untuk memperbaiki hatinya, memperindahkan akhlak dan pertuturannya. Kita ini saudara adalah manusia

yang lemah dan mudah lupa akan tujuan kehidupan. Antara punca kita ini mudah termakan hasutan nafsu dan tipu daya syaitan adalah kerana jiwa kita ini kosong dan tidak fokus kepada Allah. Apabila ini berlaku jiwa ketakwaan juga tidak akan hadir dan rasa bersalah untuk melakukan maksiat juga tidak tinggi di dalam sanubari kita.

Oleh itu apabila pada saat-saat kita dapati bahawa diri kita berada di ambang melakukan maksiat kepada Allah, latihlah diri kita agar segera mengingati Allah ketika itu dengan berzikir. Saudara, anak-anak kita terdedah kepada pelbagai anasir dan pengaruh kemaksiatan dewasa kini, maka lebih perlu lagi untuk kita melatih mereka daripada kecil agar hidupnya tidak pernah lekang daripada mengingati Allah. Ajarkan kepada mereka, ketika mereka merasa terdorong atau sedang diajak teman-teman untuk melakukan kemaksiatan agar mereka segera ingat kepada Allah.

Imam Al-Hassan Al-Basri pernah berpesan:

*"Apakah kamu tidak merasa malu, sekiranya esok di saat kamu bertemu dengan Allah s.w.t., kemudian mendapati bahawa kebanyakan masamu tidak dipenuhi dengan mengingati Allah s.w.t.?"*

Oleh itu, jangan kita membiarkan masa lapang kita berlalu pergi dengan tanpa kita memenuhinya dengan kerja dan amalan yang berguna. Ingatlah saudaraku, masa yang telah berlalu tidak mungkin akan kembali semula. Oleh itu pergunakan sebaik-baiknya masa yang dikurniakan tuhan ini.

Dan ketahuilah bahawasanya yang dinilai oleh Allah s.w.t. di dalam berzikir itu bukannya jumlah dan kuantiti kalimatkalimat suci yang dijadikan zikir saban hari sahaja. Akan tetapi tahap penghayatan seseorang akan kalimatkalimat suci yang ucapkan, itu yang menjadi objektif utama yang perlu diperhatikan dalam berzikir. Nabi Muhammad s.a.w. ketika berbicara tentang tujuh golongan yang mendapat perlindungan Allah s.w.t. di padang mahsyar kelak menyebut, antara tujuh golongan itu ialah:

وَرَجُلٌ ذَكَرَ اللَّهَ خَالِيًا فَفَاضَتْ عَيْنَاهُ

Yang bermaksud : *"Dan seseorang yang mengingati Allah s.w.t. dalam hal keadaan bersendirian, lalu airmatanya membasahi kedua matanya"*. [Hadith riwayat Imam Bukhari dan Muslim]

Mudah-mudahan Allah s.w.t. menjadikan kita orang-orang yang hatinya hidup dengan zikrullah dan bibirnya tidak pernah kering dibasahi alunan zikir dan al-Quran. Semoga Allah mengurniakan kita ketenangan dan kebahagiaan abadi di dunia dan akhirat. Amin.

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ  
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ ،  
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ يَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ يَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ .